Nama ............................................ Kelas ........................ Tarikh: ........................

## PT3 | Praktis 5: Kata Ganda

Buku Teks: m.s. 83

### Bahagian A

**A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang *paling sesuai*.**

1 Penduduk kampung itu menentang ________ cadangan untuk membuka sebuah kilang di kampung mereka.

A bulat-bulat  C hidup-hidup
B rapat-rapat  D dalam-dalam

2 Datuk mengangkat tangannya yang ________ itu untuk mengambil tongkat yang berhampiran dengan katilnya.

A tersipu-sipu  C terketar-ketar
B teragak-agak  D terkebil-kebil

3 Puan Laili dan anak perempuannya ________ menjaga Encik Bahar yang sakit di hospital.

A berliku-liku  C berderai-derai
B bergilir-gilir  D berpisah-pisah

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah ini.*



4 "Jalan raya ini ________ kerana saban hari dilalui lori yang membawa pasir," kata salah seorang penduduk kepada pemberita.

A haru-biru  C lekak-lekuk
B bolak-balik  D lintang-pukang

**B. Ayat-ayat di bawah ini *mungkin betul* dan *mungkin salah*. Jika *terdapat kesalahan*, kesalahan itu telah ditandakan dengan *A*, *B*, atau *C* dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan *D*. Pilih jawapan yang *paling sesuai*.**

1 Ribuan penonton-penonton (A) yang membanjiri stadium terhibur dengan corak permainan kedua-dua (B) pasukan yang kerap berbalas-balas (C) serangan. Tiada kesalahan. (D)

2 Ramah-tamah (A) sungguh anggota keluarga pengantin lelaki itu ketika menyambut tetamu (B) yang datang tidak putus-putus (C) dari tengah hari hingga petang. Tiada kesalahan. (D)

### Bahagian B

**Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu *kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Kucing itu mengiau-ngiau berkali-kali untuk meminta makanan daripada pelanggan di kedai makan tersebut.

________________________________________

(ii) Sejak tadi, saya lihat ayah berjalan serbah-serbih di hadapan bilik pembedahan itu sementara menunggu kakak selesai menjalani pembedahan.

________________________________________



LIVEWORKSHEETS